



اَبُو سَيِّدِي تَكْنُوْلُوْجِي مَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

**JABATAN BANGUNAN**

**FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**(PERAK)**

**OKTOBER 2012**

Adalah disyorkan bahawa Laporan Latihan Praktikal ini yang disediakan

**Oleh**

**AINUR FATHEEN NADIHA BINTI M.HATTA**

**2010661164**

**Bertajuk**

**PEMASANGAN STRUKTUR KOMPONEN  
KONKRIT PRA - TUANG**

Diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk memperolehi Diploma Bangunan.

Penyelia Laporan

Puan Suryani Ahmad

Koordinator Latihan Amali

En. Noor Azam Yahya

Koordinator Fakulti

Sr Dr Hj Hayroman Ahmad

**JABATAN BANGUNAN**  
**FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR**  
**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**  
**(PERAK)**

**OKTOBER 2012**

**PERAKUAN PELAJAR**

Adalah dengan ini, hasil kerja penulisan Laporan Latihan Praktikal ini telah dihasilkan sepenuhnya oleh saya kecuali seperti yang saya nyatakan melalui latihan praktikal yang telah saya lalui selama 5 bulan mulai 21 Mei 2012 hingga 6 Oktober 2012 di Syarikat Kelisa Murni Sdn. Bhd. Ianya juga sebagai salah satu syarat lulus kursus DBN 307 dan diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk memperolehi Diploma Bangunan.

Nama : Ainur Fatheen Nadiha Binti M.Hatta

No KP UiTM : 2010661164

Tarikh : 11/10/2012

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izin dan kurniaNya Laporan Latihan Praktikal ini dapat disiapkan dengan jayanya. Pertama sekali, saya ingin berterima kasih kepada keluarga saya yang telah banyak memberi sokongan dan dorongan sepanjang saya menjalani latihan praktikal ini. Tidak lupa juga ribuan terima kasih kepada Syarikat Kelisa Murni Sdn Bhd kerana telah memberi saya peluang untuk menimba ilmu dan mencari pengalaman sepanjang tempoh lima bulan ini.

Seterusnya, diucapkan setinggi – tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua individu yang telah meluangkan masa memberi panduan, bimbingan, kerjasama serta teguran yang membina untuk membantu saya dalam menyiapkan laporan ini terutaman sekali kepada En. Kamarudin B Munasir selaku Pengarah Urusan Kelisa Murni Sdn Bhd, En Zaki selaku Pengurus Tapak SK Taman Bukit Dahlia, En Noor Azam selaku Koordinator Latihan Praktikal, dan Sr Dr Hayroman Ahmad selaku pensyarah pelawat.

Tidak lupa juga kepada semua pensyarah Jabatan Bangunan dan juga khas buat nama – nama seperti berikut, En Noor Nashriq, selaku Jurutera Tapak, En Mohd Fadzli, En Ridhwan Rashid dan En Abdul Rahman sebagai Penyelia. Khas buat pekerja – pekerja SK Taman Bukit Dahlia dan kepada rakan – rakan seperjuangan dan juga kepada mereka yang terlibat secara langsung mahupun tidak dalam proses latihan praktikal ini.

Akhir sekali, jutaan terima kasih kepada Pn Suryani Ahmad selaku Penyelia Pelajar yang telah banyak memberikan nasihat, ajaran dan kritikan selama menjalani latihan praktikal ini. Beliau telah banyak berkorban dan memberi tunjuk ajar yang terbaik agar saya mampu untuk berikan hasil yang terbaik dalam menyiapkan Laporan Praktikal ini. Semoga Allah s.w.t sahaja yang membalas segala jasa dan pengorbanan mereka semua.

Sekian, terima kasih

## **ABSTRAK**

Laporan ini secara ringkasnya menerangkan tentang segala proses yang terlibat dalam pemasangan komponen konkrit pra – tuang ini. Hasil laporan ini berpandukan daripada pengalaman menjalani latihan praktikal selama lima bulan di tapak bina. Laporan ini terbahagi kepada beberapa bahagian dan dimulakan dengan pendahuluan serta pengenalan tentang konkrit pra – tuang tersebut. Seterusnya adalah berkaitan latarbelakang syarikat dan latarbelakang projek pembinaan. Melalui pemerhatian di tapak projek pembinaan, pemasangan konkrit pra – tuang tidaklah semudah yang disangkakan. Di dalam laporan ini diterangkan secara ringkas komponen – komponen utama konkrit pra – tuang. Seterusnya diterangkan dengan lebih terperinci mengenai proses pemasangan konkrit pra – tuang dan juga peralatan serta jentera yang digunakan semasa proses pemasangan tersebut. Selain itu, menerangkan ketidakgunaan konkrit pra – tuang di kawasan tandas sekolah. Semasa proses pemasangan pra - tuang sedang dijalankan, terdapat beberapa masalah yang dikenal pasti dan laporan ini disudahi dengan beberapa cadangan yang dirasakan dapat menyelesaikan masalah tersebut. Kesimpulannya, laporan ini dapat menjelaskan dengan lebih mendalam proses pemasangan bumbung secara praktikal kepada para pembaca.

## KANDUNGAN

## MUKA SURAT

Penghargaan	i	
Abstrak	ii	
Isi Kandungan	iii	
Senarai Jadual	v	
Senarai Rajah	vi	
Senarai Gambar	vii	
Senarai Lampiran	viii	
Senarai Singkat Kata	ix	
BAB 1.0	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Objektif Kajian	3
1.3	Skop Kajian	4
1.4	Kaedah Kajian	5
BAB 2.0	LATAR BELAKANG SYARIKAT	
2.1	Pengenalan	6
2.2	Profil Syarikat	7
2.3	Carta Organisasi Syarikat	8
2.4	Senarai Projek	
2.5.1	Senarai Projek Yang Telah Siap	9
2.5.2	Senarai Projek Yang Sedang Dibina	13
BAB 3.0	KAJIAN KES	
3.1	Pengenalan	14
3.2	Latar Belakang Projek	16
3.3	Carta Organisasi di Tapak Projek	18

3.4	Kajian Kes Di Tapak Bina	19
3.4.1	Proses Pemasangan Tiang Konkrit Pra – Tuang	19
3.4.2	Proses Pemasangan Rasuk Konkrit Pra – Tuang	23
3.4.3	Proses Pemasangan Tangga Konkrit Pra – Tuang	25
3.4.4	Proses Pemasangan Lantai Berongga Konkrit Pra – Tuang	27
3.4.5	Ketidak Gunaan Konkrit Pra – Tuang di Bahagian Tandas (Wet Area)	32
3.5	Peralatan dan Jentera Yang Digunakan	33
BAB 4.0	Kesimpulan Dan Cadangan	37
4.1	Kesimpulan	37
	SENARAI RUJUKAN	39
	LAMPIRAN	41

## **SENARAI JADUAL**

Jadual 2.4.1	Senarai Projek KMSB Yang Telah Siap	9
Jadual 2.4.2	Senarai Projek Yang Sedang Dibina KMSB	13

## SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	Logo Syarikat KMSB	6
-----------	--------------------	---



## SENARAI GAMBAR

Gambar 3.1	Papan Tanda Projek SK Taman Bukit Dahlia	17
Gambar 3.2	Kren diposisi yang sesuai	19
Gambar 3.3	Tiang diangkat secara perlahan – lahan	19
Gambar 3.4	Pekerja sedang meletakkan tiang di atas <i>shimplate</i>	20
Gambar 3.5	Kedudukan tiang perlu dalam keadaan <i>vertical</i>	20
Gambar 3.6	Pekerja sedang menurunkan rantai besi pada tiang	21
Gambar 3.7	kecondongan tiang diukur menggunakan <i>theodolite</i>	21
Gambar 3.8	NSG diletakkan dibawah tiang pra - tuang	22
Gambar 3.9	Posisi kren yang sesuai untuk mengangkat rasuk	23
Gambar 3.10	Rasuk diangkat secara perlahan - lahan	23
Gambar 3.11	Pekerja memegang rasuk dan mengawalnya	24
Gambar 3.12	Jurutera memantau kemasukkan rasuk pada posisi yang betul	24
Gambar 3.13	Kren mengangkat <i>landing slab</i>	25
Gambar 3.14	Pekerja sedang membetulkan bahagian yang rosak	25
Gambar 3.15	Pemasangan tangga pada <i>landing slab</i>	26
Gambar 3.16	Keadaan tangga sebelum kaedah <i>grouting</i>	26
Gambar 3.17	Kerja-kerja <i>setting out</i> untuk lantai berongga sedang dilakukan oleh pekerja	27
Gambar 3.18	Rantai besi diikat pada kren bertujuan mengawal	28
Gambar 3.19	Lantai pra – tuang akan diangkat secara perlahan	28
Gambar 3.20	Lantai diangkat pada kedudukan yang betul	29
Gambar 3.21	Pekerja memegang dan mengawal lantai tersebut	29
Gambar 3.22	Lantai pra – tuang pada kedudukan <i>neoprene pad</i>	30
Gambar 3.23	Lantai yang telah siap dipasang mengikut spesifikasi	30
Gambar 3.24	Proses <i>grouting</i> sedang dijalankan	31

Gambar 3.25	Keadaan rantai berongga yang telah siap <i>grouting</i>	31
Gambar 3.26	Kren bergerak hidraulik berkapasiti 45tan	33
Gambar 3.27	Kren bergerak hidraulik berkapasiti 45tan	33
Gambar 3.28	Kren bergerak hidraulik berkapasiti 50tan	33
Gambar 3.29	Penggunaan <i>prob</i> pada tiang pra - tuang	34
Gambar 3.30	Penggunaan i – beam dalam proses pemasangan rantai berongga	34
Gambar 3.31	Penggunaan mesin <i>coring</i>	35
Gambar 3.32	<i>Belt</i> digunakan dalam pemasangan pra - tuang	35
Gambar 3.33	<i>Wall plug</i>	35
Gambar 3.34	Alat <i>theodolite</i>	36
Gambar 3.35	Alat <i>autolevel</i>	36
Gambar 3.36	Alat <i>generator set</i>	36

## SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Gambar lampiran SK Taman Bukit Dahlia
Lampiran B	Pelan Aras 1-Aras 2 Column Istallation Layout
Lampiran C	Pelan Aras 2 – Roof Column Installation Layout
Lampiran D	Pelan Aras 1 Beam Installation Layout
Lampiran E	Pelan Aras 2 Beam Installation Layout
Lampiran F	Pelan Aras 1 Beam Top Reinforcement Layout
Lampiran G	Pelan Aras 2 Beam Top Reinforcement Layout
Lampiran H	Pelan Aras 1 HCS Installation Layout
Lampiran I	Pelan Aras 2 HCS Installation Layout

## SENARAI SINGKAT KATA

KMSB	Kelisa Murni Sdn Bhd
TPSB	Teraju Precast Sdn Bhd
CIDB	Construction Industry Development Board
SBB	Sistem Bangunan Berindustri
IBS	<i>Industrial Building System</i>
NSG	Non Shrink Grout

## **BAB 1**

### **1.0 PENDAHULUAN**

#### 1.1 Pengenalan

IBS atau dikenali sebagai *Insudtry Building System* di Malaysia pada tahun 1960 – an. Ini bermula dengan hasil Kementerian Dalam dan Luar Negeri mengadakan lawatan di negara – negara Eropah. Sistem Bangunan Berindustri (SBB) ini adalah sistem pembinaan yang berintegrasikan proses perindustrian ke dalam pembinaan. Menurut Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) salah satu kejayaan dalam SBB adalah memudahkan dan mempercepatkan proses pembinaan yang seterusnya mengurangkan tenaga kerja luar dan mengurangkan kos keseluruhan pembinaan. (<http://www.cidb.gov>)

CIDB telah dipertanggungjawabkan untuk mempromosi dan melakukan pelaksanaan SBB untuk digunakan secara meluas pada setiap projek. CIDB telah mengambil inisiatif melakukan pelbagai kursus – kursus SBB untuk memberi pengetahuan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam industri pembinaan dan telah mewar – warkan kebaikan menggunakan SBB. Pada tahun 1964, kira – kira 22.7 ekar disepanjang Jalan Pekeliling, Kuala Lumpur telah dibina 7 blok, 17 tingkat rumah flat dan 40 buah rumah kedai yang merupakan projek pertama menggunakan Sistem Bnagunan Berindustri di Malaysia. (<http://www.cidb.gov>)

Sistem Binaan Berindustri bermaksud satu sistem atau kaedah pembinaan yang mana komponennya dihasilkan di dalam keadaan terkawal (di kilang atau di tapak bina), diangkut dan dipasang dalam kerja pembinaan dengan menggunakan pekerja yang minimum di tapak. Melalui sudut klasifikasi struktur, IBS boleh dikategorikan ke dalam lima (5) kumpulan utama iaitu Sistem Rangka, Panel Dan Kekotak Konkrit Pra – Tuang, Sistem Acuan Besi, Sistem Rangka Besi, Sistem Rangka Kayu Pra – Siap dan Sistem Kerja Batu (*blockwork*). (<http://www.cidb.gov>)

Salah satu komponen IBS yang mendapat sambutan penggunanya adalah Konkrit pra – tuang. Teknologi konkrit pra – tuang ini berkembang dengan pesat di negara membangun seperti Malaysia, Singapura, Thailand, Indonesia dan lain – lain. Kaedah ini memberi banyak kelebihan seperti tempoh pembinaan yang cepat, mutu dan hasil yang berkualiti tinggi. Pembinaan juga dapat dilakukan sepanjang tahun meskipun dalam cuaca buruk. Selain itu, kurang memerlukan tenaga kerja terutama sekali buruh separuh mahir. Konkrit pra – tuang sesuai juga untuk struktur yang mempunyai bukaan rintangan yang lebar. Tambahan lagi, ianya mempunyai daya rintangan kebakaran yang tinggi dan ciri rekabentuk yang menarik. (<http://www.treasury.gov.my>)

Prinsip rekabentuk konkrit pra – tuang perlu diambil kira. Pemilihan utama penggunaannya ialah untuk pembinaan struktur konkrit yang mempunyai rekabentuk yang berulang – ulang. Pengeluaran komponennya dibuat di kilang dengan menggunakan pelbagai peralatan moden. Komponennya dihasilkan secara besar – besaran mengikut saiz dan rekabentuk piawaian yang seragam. Prinsip rekabentuknya tidak sama dengan prinsip pembinaan konkrit tuang *insitu*. (<http://www.treasury.gov.my>)

Jika sesebuah struktur itu dibentuk dengan menggunakan prinsip pra-tuang, maka ianya perlulah berakhir dengan menggunakan prinsip yang sama kerana ianya akan mendatangkan masalah ketika ingin memasang konkrit tersebut kelak. Reka bentuk pra - tuang yang baik ialah rekabentuk yang dapat menentukan sejauh mana ia dapat dimanfaatkan, khususnya dalam mengurangkan masa binaan, kos serta dapat menjamin kualiti yang baik. Prinsip - prinsip utama dalam rekabentuk ini ialah kebaikan dan kekurangan sistem pra-tuang, halangan semasa pembinaan, perincian yang diperlukan seperti kaedah pembinaan dan penyambungan, pengangkutan yang diperlukan dan kegunaanya. (<http://www.treasury.gov.my>)

## 1.2 Objektif Kajian

- Untuk mengetahui kaedah pemasangan struktur pra - tuang di tapak bina.
- Untuk mengenal pasti jentera dan peralatan yang digunakan dalam pemasangan pra – tuang.

### 1.3 Skop Kajian

Kajian ini lebih merujuk proses di tapak bina SK Taman Bukit Dahlia seperti kaedah pemasangan komponen konkrit pra – tuang pada tiang, rasuk, lantai dan tangga. Walaupun pemasangan komponen konkrit pra - tuang ini datangnya daripada kilang, tetapi tidak mudah untuk mengendalikan cara pemasangan pra - tuang ini kerana rekabentuk memainkan peranan yang penting. Kestabilan struktur lazimnya bergantung kepada kekuatan sambungan dan kaedah pembinaan yang digunakan.

Ciri – ciri utama yang perlu diambil kira dalam rekabentuk penyambungan ialah, kaedah pengangkutan struktur, kaedah pemasangan struktur di tapak, kemudahan peralatan pemasangan, serta jumlah tenaga kerja yang diperlukan. Selain itu, semasa proses pemasangan ini, perlu berhati - hati kerana boleh mengakibatkan kecederaan atau kemalangan di tapak bina.

Lukisan daripada Jurutera yang mempunyai kepakaran hendaklah digunakan sebagai rujukan untuk pemasangan komponen ini. Cara pemasangan konkrit pra - tuang ini seperti menggunakan kaedah penandaan pada komponen yang datangnya daripada kilang. Pada setiap komponen konkrit pra - tuang tersebut, telahpun ditandakan dengan kod masing - masing untuk memudahkan lagi semasa proses pemasangan nanti. Secara ringkasnya, kaedah pemasangan pra - tuang ini perlu diselenggarakan dengan teliti dan sebaik mungkin.



## **1.4 Kaedah Kajian**

### **1.4.1 Data Primer**

#### **a) Temuramah**

Data Primer telah diperoleh terus dari orang yang berpengalaman dan berpengetahuan dalam bidang pra – tuang ini. Melalui cara temuramah secara tidak langsung dapat membantu kajian ini. Mereka yang telah lama berkecimpung dalam bidang ini dapat memberikan maklumat lebih terperinci, terutama dalam kajian kes ini iaitu pemasangan struktur pra – tuang serta jentera dan peralatan yang digunakan semasa proses pemasangan pra – tuang ini. Maklumat yang diberikan oleh Penyelia bagi pihak Teraju Precast Sdb Bhd, iaitu Muhamad Ridwan b Rashid akan dikumpulkan untuk memudahkan lagi kajian kes ini.

#### **b) Tinjauan di Tapak Pembinaan**

Tinjauan di tapak bina SK Taman Bukit Dahlia adalah untuk mengkaji dan melihat sendiri tentang pemasangan struktur konkrit pra – tuang. Penglibatan secara langsung ini juga dapat mengenal pasti masalah - masalah konkrit pra – tuang tersebut. Selain itu, tinjauan ini juga memberi peluang untuk gambaran sebenar keadaan tapak bina.

### **1.4.2 Data Sekunder**

Data Sekunder diperoleh melalui bahan bacaan yang terdiri daripada bahan bercetak seperti jurnal, artikel, suratkhbar, majalah dan melalui internet. Selain itu, melalui kajian teori yang memudahkan lagi kajian kes ini. Dari sudut ini, aplikasi konkrit pra – tuang dalam pembinaan di aplikasi serta kelebihan apabila menggunakan konkrit pra – tuang ini. Sasaran pemerhatian dalam kajian ini bergantung kepada objektif kajian iaitu, pemasangan struktur pra – tuang.

## **BAB 2**

### **2.0 LATAR BELAKANG SYARIKAT**

#### **2.1 Pengenalan**

Syarikat Kelisa Murni Sdn Bhd merupakan syarikat Bumiputra. Pada awalnya, syarikat ini hanya menjalankan kerja – kerja kontraktor kelas F. Tetapi, berkat usaha semua pekerja syarikat ini akhirnya telahpun menjadi kontraktor kelas A dan telah menempah nama dalam dunia pembinaan dan bersaing dengan kontraktor – kontraktor yang lain.

Kelisa Murni Sdn Bhd telah banyak menerima tender projek – projek kerajaan seperti Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pelajaran Malaysia, Majlis Daerah dan sebagainya. Kebanyakan projek yang diberikan untuk disiapkan dalam tempoh setahun mahupun dua tahun, tetapi syarikat Kelisa Murni mampu menyiapkan lebih awal daripada tarikh yang ditetapkan oleh pelanggan. Malahan hasil kerja yang cemerlang dan baik membuatkan pelanggan berpuas hati dengan hasil kerja para pekerja Kelisa Murni Sdn Bhd.



**Rajah 1.1:** Logo Kelisa Murni Sdn Bhd.


## 2.2 Profil Syarikat

Kelisa Murni Sdn Bhd mula ditubuhkan pada 3 April 1997. Pendaftaran syarikat pada mulanya beralamat di Taman Perling, Johor Bharu, Johor. Dan kini, syarikat Kelisa Murni Sdn Bhd telahpun mempunyai alamat perniagaan yang tetap di Taman Sri Putra, Kempas, Johor Bahru. Pendaftaran Syarikat bernombor 426132 – W yang berdaftar dengan PKK serta CIDB dalam Kelas ‘A’ dan Gred G7. Syarikat ini dimiliki sepenuhnya oleh kaum Bumiputera.

Kelisa Murni Sdn Bhd telahpun mempunyai no.pendaftaran ISO 9001 : 2008 pada tarikh 17 Julai 2009. Jumlah modal sebelum memulakan perniagaan ini berjumlah RM 500,000.00. Syarikat Kelisa Murni telah bernaung dengan beberapa buah bank seperti Bank Muamalat(M) Berhad, di Taman Johor Jaya, Johor Bahru. CIMB Bank Berhad dan RHB Bank Berhad di Tampoi, Johor Bahru, dan AL RAJHI Bank di Taman Molek Johor Bahru. Ahli Lembaga Pengarah Teratas Syarikat Kelisa Murni Sdn Bhd ialah Encik Kamarudin B Munasir selaku Pengarah Urusan dan Pn Rohaya Bt Marjom sebagai Pengarah.

Kelisa Murni mempunyai anak buah syarikatnya sendiri. Di bawah peyeliaan Kelisa Murni ada dua buah syarikat lagi yang bernaung dibawahnya. Syarikat Nusa Ilham Sdn Bhd kontraktor kelas B, manakala syarikat Fokus Strategi Sdn Bhd merupakan kontraktor kelas C. Ketiga – tiga syarikat ini berkerjasama dalam satu bumbung untuk memudahkan lagi sistem pengurusan. Ketiga – tiga syarikat ini saling berkait kerana pekerja yang sama dan saling memerlukan antara satu sama lain. Aktiviti seperti hari keluarga dan juga percutian yang ditaja oleh syarikat Kelisa Murni Sdn Bhd akan diadakan setahun sekali untuk mengeratkan lagi kerjasama antara mereka

### 2.3 Carta Organisasi Syarikat Kelisa Murni Sdn. Bhd



## 2.4 Senarai Projek Kelisa Murni Sdn Bhd

Jadual 2.4.1 Projek yang telah disiapkan :

Bil	Nama Projek	Pelanggan	Kos Projek
1.	Membina dan Menyiapkan Dewan Serbaguna Taman Senai Baru, Johor	Majlis Daerah Kulai	RM 871, 380.90
2.	Membina Dan Menyiapkan Sek Keb. Permas Jaya 6, Johor Bharu, Johor.	JKR Daerah, Johor Bahru	RM 1, 422,173.80
3.	Membina Dan Menyiapkan Sek Agama Taman Sri Tebrau, Johor Bahru, Johor.	Bahagian Pembangunan Projek Perbadanan Johor	RM 1, 314, 656.00
4.	Merekabentuk Struktur, Membina Dan Menyiapkan Sebuah Masjid Di Parit Kaspan, Batu Pahat, Johor.	JKR Daerah Batu Pahat	RM 1, 729, 730.80
5.	Membina Dan Menyiapkan Sistem Perparitan Konkrit 4.6 Meter Lebar, Di Bandar Masai, Johor Bharu, Johor.	Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah	RM 1, 193, 547.50
6.	Cadangan Membina Longkang Di Taman Desa, Yong Peng, Johor.	Majlis Daerah Yong Peng	RM 986, 000.00
7.	Membina Dan Menyiapkan Satu Blok Bangunan Sekolah Empat Tingkat Di SK Tenaga Setia, Sri Medan, Batu Pahat, Johor.	JKR Daerah Batu Pahat	RM 2, 620, 646.00

Sumber : Profil Syarikat Kelisa Murni Sdn Bhd Sehingga 2011

<b>Bil</b>	<b>Nama Projek</b>	<b>Pelanggan</b>	<b>Kos Projek</b>
8.	Cadangan Membina Dan Menyiapkan Sebuah Dewan Orang Ramai Parit Yaani, Di Lot 6003, Mukim Sri Gading, Batu Pahat, Johor.	Majlis Daerah Yong Peng	RM 986, 654.60
9.	Cadangan Membina Pusat Latihan Gabungan Pasukan Tempur (PLGPT) Tentera Darat, Fasa II Di Gemas, Negeri Sembilan Untuk Kementerian Pertahanan Malaysia.	TH Technologies Sdn Bhd.	RM 1, 710, 824.84
10.	<i>The Construction And Completion Of Pavement Yard At Part Of PTD 119690, 10B Yard And Ancillary Works At Johor Port, Pasir Gudang, Johor.</i>	Johor Port Berhad	RM 2, 099, 989.00
11.	Cadangan Membina Dan Menyambung Semula Kerja – kerja Pembinaan Masjid Taman Kluang Barat, Johor.	JKR Daerah Kluang	RM 2, 592, 759.95
12.	Kerja – kerja Membaikpulih Paip Untuk Tahun 2005, JB5 – Kawasan Perindustrian Tampoi. Johor Bahru, Johor.	SAJ Holdings S/B / Irwan Teguh Enterprise	RM 942, 563.00
13.	<i>The Repair And Resurfacing Of Existing Road And Pavement And Ancillary Works At Johor Port Pasir Gudang, Johor.</i>	Johor Port Berhad	RM 4, 160, 000.00

<b>Bil.</b>	<b>Nama Projek</b>	<b>Pelanggan</b>	<b>Kos Projek</b>
14.	Cadangan Membina Dan Menyiapkan Balai Polis Sri Gading Di Atas Lot 4707 Mukim Simpang Kanan v, Daerah Batu Pahat, Johor.	Kementerian Keselamatan Dalam Negeri	RM 6, 190, 788.00
15.	Tender Semula Bagi Cadangan Kerja – kerja Pembesaran Yang Mengandungi 3 Tingkat Blok Integrasi Serta Bengkel Serta Sebuah Pencawang TNB Di Institut Kemahiran MARA (IKM) Johor Bahru Untuk MARA.	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	RM 6, 832, 974.80
16.	Kerja – kerja Membina Dan Menyiapkan Pejabat Projek Pertanian Moden, Pusat Informasi Dan Pusat Informasi Dan Pusat Jualan Setempat, KM 13, Jalan BatuPahat, 86009 Kluang, Johor	Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	RM 6, 832, 974.80
17.	Cadangan Membina Dan Menyiapkan Sekolah Kebangsaan Seri Seelong Yang Mengandungi 24 Bilik Darjah Dan Kemudahan Lain Yang Mengandungi Industrial Building System (IBS) Di Atas PT 74679, Mukim Kulai, Daerah Kulai Jaya, Johor	Kementerian Pelajaran Malaysia	RM 17,400, 000.00

Sumber : Profil Syarikat Kelisa Murni Sdn Bhd Sehingga 2011

<b>Bil</b>	<b>Nama Projek</b>	<b>Pelanggan</b>	<b>Kos Projek.</b>
18.	Membina Dan Menyiapkan Satu (1) Blok Tiga(3) Tingkat Dan Lain- lain Kerja Berkaitan Di Sek. Men Tinggi Kluang, Johor.	Jabatan Kerja Raya	RM 6, 599, 999.00
19.	Cadangan Membina Dan Menyiapkan Ruang Niaga Dan Pusat Dialisis Dan Lain – lain Kerja Berkaitan Di Mukim Simpang Kanan, Batu Pahat, Johor.	Jabatan Kerja Raya	RM 6, 698, 888.00
20.	Membina Dan Menyiapkan Dua (2) Blok Gantian Empat (4) Tingkat Dan Kerja – kerja Lain Yang Berkaitan Di Sek. Keb Pasir Gudang 1, Johor.	Jabatan Kerja Raya	RM 7,555,555.55
21.	Kerja – kerja Pembinaan Blok Gantian Dan Lain – lain Kerja Berkaitan Di Sek. Keb. Seri Rengit, Batu Pahat, Johor.	Jabatan Kerja Raya	RM 8, 866, 666.00

Sumber : Profil Syarikat Kelisa Murni Sdn Bhd Sehingga 2011



**Jadual 2.4.2:** Projek Yang Sedang Dibina :

<b>Bil</b>	<b>Nama Projek</b>	<b>Pelanggan</b>	<b>Kos Projek</b>
1.	Sekolah Kebangsaan Taman Bukit Dahlia, Pasir Gudang, Johor.	Kementerian Pelajaran Malaysia	RM 14, 600,000.00
2.	Lembaga Pelabuhan Johor, Pasir Gudang, Johor.	Jabatan Kerja Raya	RM 46, 000, 000.00
3.	Masjid Permas Jaya, Johor Bahru, Johor.	Jabatan Kerja Raya, Daerah Johor Bahru.	RM 2, 421, 700.00
4.	Masjid Bakri, Muar, Johor.	Majlis Agama Islam Johor	RM 2, 500, 999.00
5.	Sekolah Kebangsaan Sri Rengit, Batu Pahat, Johor.	Jabatan Kerja Raya	RM 555, 555.00
6.	Bekalan Air Luar Bandar, Zon Empat Negeri Johor, Johor.	Kementerian Luar Bandar Dan Wilayah	RM 6, 188, 888.00

Sumber : Profil Syarikat Kelisa Murni Sdn Bhd Sehingga pertengahan 2012

## **BAB 3**

### **3.0 KAJIAN KES**

#### **3.1 Pengenalan**

Konkrit pra-tuang merupakan konkrit yang dibuat terlebih dahulu di kilang atau “ casting yard” mengikut ukuran-ukuran yang telah ditetapkan dalam “shop drawing” untuk satu-satu projek. Selepas elemen matang barulah ia dipindahkan ke tapak projek. Konkrit pra- tuang direkabentuk mengikut saiz piawai. Seseorang pereka yang hendak merekabentuk satu-satu struktur bangunan perlu merujuk kepada pengeluar konkrit pra - tuang yang telah ada di pasaran seperti HUME, ACPI, Setia Precast, Precast Product, Eastern Pretech. Teraju Precast Sdn Bhd juga pengeluar konkrit pra – tuang yang sedang melonjak naik juga merupakan pembekal untuk projek SK Taman Bukit Dahlia ini. (<http://www.ibscentre.com>.)

Kebanyakan stuktur pra - tuang direkabentuk menggunakan kaedah rasuk sokong mudah. Sambungan diantara struktur rasuk ke tiang dan tiang bawa ke tiang atas boleh dilakukan dengan pelbagai kaedah seperti sambungan tegar, separa - tegar atau pin.

Konkrit pra – tuang merupakan salah satu daripada lima kategori Sistem Bangunan Berindustri di Malaysia. Selain itu, ianya telah lama berkembang kerana ianya dapat memberi banyak kebaikan seperti tempoh pembinaan yang cepat, kualiti yang baik, dan dapat dikendalikan operasinya walaupun dalam keadaan yang kurang baik. Selain itu, ianya juga dapat mengurangkan penggunaan tenaga kerja. Komponen konkrit pra – tuang di proses di kilang dengan menggunakan peralatan yang moden. Dengan menggunakan pelantar penuang konkrit yang mempunyai panjang purata 125m dan boleh disambungkan hingga 250m atau lebih.

Dalam penghasilan komponen ini, tegangan keluli yang bertegangan tinggi direntangkan antara jambatan yang terletak kedua – dua penghujung pelantar penuangan. Untuk memastikan konkrit tersebut mencapai tahap kekuatan yang diperlukan, kiub atau silinder ujian digunakan untuk menilai kekuatan tersebut. (<http://www.ibscentre.com>.)

Sebelum pemasangan konkrit pra –tuang ini dilakukan, ada beberapa faktor yang perlu diambil kira dan sebagai persediaan untuk membolehkan kerja berjalan dengan lancar dan selamat. Penyelia perlu berbincang dan mendapatkan kepastian daripada jurutera tapak agar platform pemasangan mampu menanggung beban pra – tuang. Keadaan tanah yang rata untuk kren dan tiada sebarang halangan atau gangguan semasa proses pemasangan dijalankan. Selain itu, kren perlu berada pada kedudukan yang betul dan jarak yang selamat sekeliling tapak. Sebelum pemasangan ini, struktur perlu berada pada *centre line* dan proses *levelling* perlu dilakukan agar kedudukan struktur tidak senget. (Penyelia Teraju Precast S/B Muhammad Ridhwan, 2012)

Pekerja pemasangan struktur pra –tuang juga perlu diambil kira agar tiada sebarang masalah semasa proses pemasangan kelak. Antara pekerja yang perlu di titik beratkan ialah, operator kren yang berpengalaman dan mempunyai sijil yang diiktiraf. Pemasang kabel kren kepada komponen - komponen struktur pra – tuang dan juga pekerja lain untuk membantu dalam memasukkan elemen pra – tuang ini kepada kedudukan yang ditetapkan. (Jurutera Teraju Precast S/B, Najumuddin B Sumari, 2012)


### **3.2 Latar Belakang Projek**

Tarikh milik tapak Sekolah Kebangsaan Taman Bukit Dahlia bermula pada 1 Disember 2011, dan tarikh siap asal pada 28 Febuari 2013. Kontraktor Utama iaitu Syarikat Kelisa Murni Sdn Bhd menganggarkan projek ini siap pada 31 Disember 2012, kerana memperolehi tempoh lanjutan masa. Tempoh Kontrak ini ialah selama 65 minggu. Harga kontrak asal Sekolah Taman Bukit Dahlia berjumlah RM 14,500,000.00.

Perunding yang terlibat dalam pembinaan projek Sekolah Taman Bukit Dahlia ini ialah RASHDAN MAHFAR ARCHITECT selaku Perunding Arkitek. Perunding Kejuteraan Awam & Struktur ialah PERUNDING MRM. EMASJASA CONSULT selaku Perunding Kejuteraan Mekanikal & Elektrikal dan JURUUKUR BAHAN UTAMA sebagai Perunding Ukur Bahan. Sekolah Kebangsaan Taman Bukit Dahlia ini dimiliki sepenuhnya oleh KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA. Projek ini bertajuk Cadangan Membina Dan Menyiapkan Sebuah Sekolah Kebangsaan Taman Bukit Dahlia Yang Mengandungi 24 Bilik Darjah Dan Kemudahan Berkaitan Di Daerah Pasir Gudang, Johor.


Sekolah ini berdekatan dengan bandar Pasir Gudang, Masai dan Hospital Pasir Gudang yang juga dalam proses pembinaan. Sekolah Taman Bukit Dahlia ini berhadapan dengan kawasan perumahan Taman Bukit Dahlia. Kira – kira 3km dari Sekolah Taman Bukit Dahlia terletak terminal bas Masai dan Pasir Gudang. Tidak jauh dari Sekolah ini, terdapat kawasan Perindustrian Pasir Gudang yang berada di sempadan Johor – Singapura.

Sekolah Kebangsaan Taman Bukit Dahlia ini di bina bagi kemudahan mereka yang tinggal di Taman Bukit Dahlia ini. Kira – kira 2km dari sekolah ini, terdapat Sekolah Kebangsaan Taman Cendana. Apatah lagi laluan ini antara jalan utama untuk mereka yang bekerja di kawasan perindustrian daerah Pasir Gudang ini. Sekolah Kebangsaan Taman Bukit Dahlia merupakan sekolah yang pertama menggunakan konkrit pra – tuang di daerah Pasir Gudang ini.



**Gambar Foto 3.1 : Papan Tanda Projek SK Taman Bukit Dahlia, Pasir Gudang**  
**Foto kredit : Ainur Fatheen Nadiha (11 Jun 2012)**

### 3.3 Carta Organisasi di Tapak Projek SK TAMAN BUKIT DAHLIA :



### 3.4 Kajian Kes Di Tapak Bina

#### 3.4.1 Proses Pemasangan Tiang Konkrit Pra - Tuang



**Gambar 3.2:** Kren diposisi yang betul dan sesuai.

**Foto Kredit:** Ridwan (29 Mac 2012)



**Gambar 3.3:** Tiang diangkat secara perlahan – lahan.

**Foto Kredit:** Ridwan (29 Mac 2012)

Sebelum pemasangan pra – tuang dilakukan, pastikan setiap posisi *stater bar*, aras lantai dan juga tanda daripada paras aras (*setting out*) lengkap sepenuhnya. Ikatkan tali gantung atau rantai besi kren di atas pra – tuang tiang tersebut. Penyelia perlu merancang dan tempatkan kren berada dalam posisis dan kedudukan yang paling sesuai supaya segala proses mengangkat dan menurunkan pra – tuang mudah dijalankan. Kemudian, secara perlahan – lahan kren akan mengangkat pra – tuang tiang(400 x 400) sehingga berada dalam keadaan yang tegak dan dialihkan ke kawasan atau kedudukan yang akan dipasang.



**Gambar 3.4:** Pekerja sedang meletakkan tiang di atas *shimplate*  
**Foto Kredit:** Ridwan (29 Mac 2012)



**Gambar 3.5:** Kedudukan tiang perlulah dalam keadaan *vertical*  
**Foto Kredit:** Ridwan (30 Mac 2012)

Apabila pra – tuang yang diangkat menghampiri kawasan yang akan di pasang, beberapa orang buruh akan memegang pra – tuang tersebut dan mengawalinya sehingga pra – tuang itu berada tepat pada posisinya. Pekerja buruh akan memberikan isyarat kepada operator kren untuk menurunkan perlahan – lahan pra – tuang tersebut. Pra – tuang tiang akhirnya akan diletakkan di atas *shimplate*. Kren akan berhenti apabila pra – tuang telah berada dalam keadaan tepat yang telah diletakkan di atas *shimplate*. Kesemua proses pemasangan tiang pra – tuang ini adalah sama.





**Gambar 3.6:** Pekerja sedang menurunkan rantai besi pada tiang  
**Foto Kredit:** Ridwan (1 April 2012)



**Gambar 3.7:** Kecondongan tiang diukur menggunakan *theodolite*  
**Foto Kredit:** Ridwan (1 April 2012)

Dua sehingga lapan nos *push* di pasang untuk menahan pra – tuang tiang dengan sebelah dipasang di tiang dan sebelah lagi akan dipasangkan ke lantai. Sudut tegak ataupun kecondongan konkrit tiang pra – tuang di ukur menggunakan alat theodolite. Apabila sudut tegak telah dicapai, secara perlahan rantai besi akan diturunkan. Selepas itu, kecondongan tiang akan di ukur semula sebelum rantai besi pada kren dilepaskan. Kemudian, air akan di tuang di setiap *corrugated duct* daripada bukaan di tengah – tengah tiang pra – tuang untuk memastikan tidak tersumbat di dalam *corrugated blockage*.



Bulatan yang menunjukkan bawah tiang pra – tuang ditutup dengan menggunakan campuran non shrink grout (NSG)

**Gambar 3.8 :** Non shrink grout diletakkan dibawah tiang pra – tuang

**Foto Kredit :** Ridwan (2 April 2012)

Pekerja buruh akan menutup ruang di bawah tiang pra – tuang dengan menggunakan campuran *non shrink grout* (campuran mortar). Jumlah isipadu yang diperlukan untuk campuran mortar ini, untuk setiap tiang akan dikira oleh penyelia tapak. Apabila campuran mortar dibawah tiang telah disediakan, pkerja buruh akan memulakan proses mencampurkan *non shrink grout* dengan air sehingga mencapai nisbah yang sesuai menggunakan *mixin gun* dan menuang *non shrink grout* (cecair) ke dalam *corrugated ducts*. Jumlah isipadu non shrink grout yang digunakan akan di rekod. Perbandingan antara jumlah sebenar yang digunakan dengan isipadu yang telah dikira akan dilakukan. Perbezaan itu mestilah tidak melebihi sepuluh peratus (10%) dengan jumlah yang di kira.

### 3.4.2 Proses Pemasangan Rasuk Konkrit Pra – Tuang



**Gambar 3.9:** Posisi Kren yang sesuai untuk mengangkat rasuk

**Foto Kredit:** Ridwan (5 April 2012)



**Gambar 3.10:** Rasuk diangkat secara perlahan - lahan

**Foto Kredit:** Ridwan (5 April 2012)

Sebelum memulakan pemasangan rasuk konkrit pra – tuang, pastikan kesemua *dowel bar* dan kedudukan *neoprene pad* berada dalam keadaan yang baik. Kemudian, ikatkan tali gantung atau rantai besi kren di atas pra – tuang rasuk tersebut. Penyelia perlu merancang dan tempatkan kren dalam posisi dan kedudukan yang paling sesuai supaya proses mengangkat dan menurunkan rasuk pra – tuang konkrit ini dengan mudah. Selain itu, pastikan semasa proses mengangkat rasuk pra – tuang ini, tiada pekerja yang berada di kawasan tersebut. Walaubagaimanapun, keselamatan perlu diutamakan di tapak bina.



**Gambar 3.11:** Pekerja memegang rasuk pra – tuang dan mengawalnya  
**Foto Kredit:** Ridwan (7 April 2012)



**Gambar 3.12:** Jurutera memantau memasukkan rasuk pada posisi yang betul  
**Foto Kredit:** Ridwan (7 April 2012)

Kren akan mengangkat rasuk konkrit pra – tuang itu secara perlahan – lahan sehingga berada dalam keadaan yang melintang dan dialihkan ke kawasan atau kedudukan yang akan dipasang. Apabila rasuk konkrit pra – tuang yang diangkat menghampiri kawasan yang akan dipasang, beberapa orang buruh akan memegang rasuk pra – tuang tersebut dan mengawalinya sehingga rasuk itu berada tepat pada posisinya. Penye- lia mahupun Jurutera akan memantau proses rasuk ini dipasang untuk masuk tepat pada posisinya. Hal ini untuk mengelakkan daripada tersalah.

